

Matlamat negara jadi keutamaan

BH-5/9/2006

Calon angkasawan pastikan Malaysia laku sejarah

Oleh Shamshul Azree Samshir

SEPANG: Calon angkasawan negara, Dr Sheikh Muszaphar Shukor dan Dr Faiz Khaled menganggap pemilihan menyertai misi sulung negara meneroka angkasa lepas pada September 2007 sebagai penghormatan tertinggi dan amanah besar.

Mengetepikan kepentingan peribadi, Dr Sheikh Muszaphar dan Dr Faiz masing-masing meletakkan keutamaan negara bagi menjayakan misi penting yang bakal melakar sejarah negara dalam penerokaan angkasa lepas.

Dr Sheikh Muszaphar berkata, apa yang penting bukan berlepas ke angkasa lepas, sebaliknya pulang ke Malaysia serta menyumbang bakti kepada negara.

"Saya meletakkan sasaran peribadi membawa balik teknologi dan memberi inspirasi kepada pelajar dan mengubah pemikiran generasi muda ke arah mencapai Wawasan 2020.

"Saya mahu percaya pada diri sendiri dan tahu apa saja yang mahu dibuat boleh dicapai," katanya selepas majlis pengumuman calon oleh

Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di sini, semalam.

Dr Sheikh Muszaphar yang gembira berkata, beliau berasa dihargai dan akan membawa bersama suatu tanggungjawab besar.

Sementara itu, Dr Faiz berkata, beliau bersyukur kerana mengimpikan peluang ke angkasa lepas sejak di bangku sekolah.

"Saya lebih memikirkan objektif program ini, iaitu meningkatkan kesedaran pelajar mengenai kepentingan bidang sains dan teknologi. Ia adalah asas dalam pembangunan negara," katanya.

Dr Faiz berkata, banyak aspek dalam bidang sains dan teknologi (S&T) dapat diperoleh negara dalam program penerokaan angkasa lepas.

“Saya mahu percaya pada diri sendiri dan tahu apa saja yang mahu dibuat boleh dicapai”

Dr Sheikh Muszaphar
Calon angkasawan negara

"Misalnya, ilmu dalam teknologi angkasa, satelit dan *remote sensing* boleh membawa manfaat besar kepada negara," katanya sambil menambah beliau lebih cenderung melakukan ujian dalam bidang sains hayat yang memberi pengaruh lebih besar dalam kehidupan harian.

Sementara itu, dua calon angkasawan tidak terpilih, S Vanajah dan Mohammed Faiz Kamaluddin berikrar terus menyertai program kesedaran angkasa lepas yang dikendalikan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi serta pelbagai pihak lain.

Vanajah berkata, beliau berbangga menyertai program angkasawan yang banyak mengajarnya mengenai diri dan keupayaan peribadi.

Ditanya sama ada sedih tidak terpilih, beliau berkata: "Saya gembira di mana saya berada sekarang."

Mohammed Faiz berkata, beliau reda dengan keputusan itu dan berikrar menjayakan program angkasa lepas yang dikelolakan kerajaan.

"Kita mungkin menginginkan sesuatu, tapi kita mesti terima... hidup perlu diteruskan," katanya yang akan meneruskan kerjanya bersama Penerbangan Malaysia (MAS).